



KESEJAHTERAAN SEJAGAT: ANALISIS DARI PERSPEKTIF MAQASID AL-SYARIAH

Oleh:

Dr. Jasni bin Sulong¹

Faisal Husen Ismail²

ABSTRACT

Islam means safe and harmony. The coming of Islam brings safe and harmony towards human kind with legal justice that in line with social needs. In order to ensure the safe and harmony to the community, Islam has established two form of relationships which are the relationship among people with the Creator and the relationship among people themselves. The relationship within people should be based on good deed and bring benefit among them. In this situation, they are neither have a special place to Allah nor have to be treated well except who are obedient and pious. Thus, all human kind is equal to Him and entitled equal rights. Neither oppression nor cruel behaviour is permitted in the relationship among human kind. More over, the same things happened in the relationship with Allah which was based on the benefit of people on the eye of the religion (objective of shariah). This yardstick has put all those value of safe and harmony under Islamic spirit of views for the benefit of all people. Thus, no disagreement and confusion took place in understanding the accurate merit of safe and harmony towards people as it meet the objectives of shariah. Therefore, no wonder both of the relationships that are built between people and Allah as well as between people themselves have manage to benefit humankind in the way of safety and harmony. In this case, Islamic law as the law of samawi (revealed law) become the only law that manage to ensure the justice towards people in

¹ Kertas kerja ini telah dibentangkan dalam Seminar Serantau Islam dan Kesejahteraan Sejagat anjuran Fakulti Usuluddin Universiti Islam Sultan Sharif Ali, Brunei Darussalam pada 24-25hb. Februari 2010 di Hotel Antarabangsa Rizqun, Gadong, Bandar Seri Begawan, Brunei.

Pensyarah Kanan, Pusat Pengajian Ilmu Kemanusiaan, Universiti Sains Malaysia

² Calon Sarjana Sastera (Pengajian Islam), Universiti Sains Malaysia



this world. Hence, this paper is triggered to discuss on how the function and modus operandi of Islamic law that manage to ensure the safe and harmony. The shariah elements and relevance examples will be also forwarded in this study to clarify further regarding the objectives of shariah in guarantee the safe and harmony among people in this world which then could be understood universally.

PENDAHULUAN

Kesejahteraan dan keselamatan manusia menjadi antara matlamat utama perundangan Islam (*maqasid al-syariah*). Perutusan Rasulullah saw dalam kalangan masyarakat Arab Jahiliyyah adalah untuk membawa perubahan sosial ke arah keharmonian ini. Pendekatan ini dapat dilihat dengan jelas melalui peruntukan nas-nas daripada al-Quran dan al-Sunnah. Secara lebih jelas, matlamat dan falsafah Islam ini dapat dihayati melalui konsep kepentingan dan kebaikan umum (*al-masalih al-mursalah*) manusiawi yang menjadi salah satu sumber perundangan Islam. Sumber ini ialah dengan melihat aspek manfaat dan kebajikan umat manusia sebagai salah satu metod dalam aplikasi hukum ke tengah masyarakat. Keutamaan kesejahteraan manusia (*al-masalih*) muncul dengan kedatangan agama Islam yang fokus utamanya membawa kebaikan kepada seluruh alam (*rahmatan lil'Alamin*). Walaupun konsep ini sebagai metod perundangan hanya masyhur pada zamaan *atba` al-tabi`in* yang dipopularkan oleh Imam Malik,³ namun penerimanya sebagai pertimbangan hukum telah berlaku sejak awal. Justeru, ini menonjolkan falsafah pensyariatan Islam sebagai *al-Din lil-`Alamin* iaitu membawa kesejahteraan umat manusia dan menjamin sinar perubahan dalam keperluan sosial masyarakat.

Berasaskan ruh kesejahteraan inilah, pada zaman awal Islam menyaksikan ramai golongan yang tertindas seperti hamba abdi memeluk agama Islam. Islam menjadi pilihan dan jalan keluar daripada ketidaktentuan hukum dan penindasan masyarakat Arab Jahiliyyah. Islam dilihat sebagai agama yang memberi dan menjamin kesejahteraan kepada penganutnya. Begitu juga setelah dunia Islam semakin berkembang, Islam diterima oleh

³ Muwaffiq al-Makki (t.t.), *Manaqib al-Imam al-Adham*, j. 1, h. 89; Lihat juga Ihsan A. Bagby, "The Issue of Maslahah in Classical Islamic Legal theory", dalam *International Journal of Islamic and Arabic Studies*, vol. II, No. 2, 1985, USA: International Institute of Islamic and Arabic Studies, h. 8; Wahbah al-Zuhailiy, *al-Fiqh al-Islami wa Adillatuhu*, Beirut: Dar al-Fikr, 2002, j. 1, h. 46



pelbagai masyarakat bukan Arab tanpa mengira warna kulit dan bangsa. Ini kerana perjuangan Islam tidak berpihak asalkan umat manusia dijamin sejahtera. Wadah dan perjuangan agama ini meraikan semua umat di mana masing-masing dilindungi kebaikan mereka, mendapat kedudukan yang saksama dan ruang keistimewaan hanya diberikan oleh Allah SWT kepada yang bertaqwah. Perundangan Islam menjamin keselamatan dan kesejahteraan bukan sahaja kepada umat Islam, malah golongan yang bukan Islam (*kafir dhimmi*) juga yang tunduk dan patuh pada Kerajaan Islam. Jaminan yang menyeluruh ini dapat menjamin kesejahteraan sejagat melibatkan semua umat, semua agama dan semua kabilah dalam sesebuah wilayah Islam. Apa yang penting ialah kedatangan Islam bertujuan memberi manfaat dan kebaikan kepada manusia, dan pada masa yang sama mematuhi asas-asas atau matlamat hukum syarak. Dalam hal ini, segala kepentingan dan manfaat mestilah selari dengan kehendak Pembuat Syariat (Allah) atau dalam erti kata yang lain selaras dengan *al-maqasid al-syariah* bagi memastikan jaminan kesejahteraan berterusan. Ia secara tidak langsung memperlihatkan fokus hukum adalah melihat kepada tujuan di sebalik penerapan syariat yang terkandung dalam teks al-Quran dan al-Sunnah. Dengan demikian konsep kesejahteraan sejagat umat manusia adalah selari dengan *al-maqasid al-syariah* khususnya dalam merealisasikan kepentingan umum manusia (*tahqiq al-mashlahah*).

PENGERTIAN ISLAM DAN KESEJAHTERAAN

Islam berasal daripada perkataan *salima-yuslimu-istislaam* yang membawa maksud tunduk dan patuh. Manakala perkataan *yaslamu-salaam* pula memberi erti selamat dan sejahtera. Apabila manusia tunduk dan patuh kepada ajaran Islam, maka mereka akan beroleh keselamatan daripada kemurkaan Allah dan menghasilkan kesejahteraan hasil ketundukan tersebut. Dalam al-Quran, lafaz “Islam” merujuk kepada kedua-dua maksud ini dan keseluruhannya semua maksud tersebut membawa kepada makna kesejahteraan apabila semua manusia tunduk dan patuh kepada segala perintah Allah. Di antara nas yang menggunakan lafaz-lafaz ii ialah ayat Q3:83, yang menggunakan lafaz *istislama* iaitu tunduk secara total kepada Allah; ayat Q6:54, yang menggunakan lafaz *salaam* iaitu selamat sejahtera; dan ayat Q47:35, yang menggunakan lafaz *silm* iaitu membawa maksud tenang dan damai.

Keimanan dengan tunduk dan patuh dengan melakukan segala perintah dan menjauhi segala larangan Allah sebagaimana terdapat dalam al-Quran dan al-Sunnah menghasilkan natijah kesejahteraan umat manusia



sejagat. Ini kerana peraturan dan undang-undang tersebut adalah untuk kebaikan manusia yang telah diatur oleh Allah Yang Maha Mengetahui. Seorang muslim yang patuh dan tunduk kepada segala peraturan ini dengan mengikuti segala ajaran Islam sepenuhnya akan membawa kepada kesejahteraan dan kedamaian bagi umat manusia sangat.

Sesungguhnya Allah SWT itu Maha Mengetahui tentang hakikat manusia yang diciptakan oleh-Nya. Allah Maha Mengetahui keperluan, kekuatan dan kelemahan manusia. Begitu juga, Allah sebagai Pencipta manusia paling tahu tentang sesuatu yang baik dan buruk bagi manusia. Allah SWT ada berfirman dalam Surah al-Baqarah ayat 216:

وَعَسَىٰ أَن تُكْرِهُوا شَيْئًا وَهُوَ خَيْرٌ لَكُمْ وَعَسَىٰ أَن تُحِبُّو شَيْئًا وَهُوَ شُرٌّ لَكُمْ وَاللَّهُ يَعْلَمُ وَأَنْتُمْ لَا
تَعْلَمُونَ

“Mungkin apa yang kamu tak suka tetapi perkara itu baik bagi kamu, mungkin juga apa yang kamu suka, tetapi perkara itu buruk untuk kamu, dan Allah itu Maha Tahu, dan kamu semua tidak tahu”

Dalam hal ini, Agama Islam diturunkan bukan sahaja untuk memenuhi spiritual manusia, tetapi juga sebagai memenuhi keperluan akal dan jasad. Ini membawa kepada Islam sebagai satu sistem kehidupan yang menyeluruh (*al-Din*) dalam mengatur kehidupan manusia sangat. Ia bukan sahaja berkisar dalam hubungan sesama manusia, malah melibatkan hubungan manusia dengan alam. Oleh itu Islam bukan sahaja sebagai agama berperaturan, malah Islam juga adalah satu tatacara untuk mengajak manusia menghayati kehidupan yang sebenar di dunia dan akhirat.

Sebagaimana telah dijelaskan, Islam sebagai *al-Din* membawa maksud agama yang membawa keselamatan kepada umat manusia dan seterusnya menghasilkan kesejahteraan kepada ummah sangat. Kesejahteraan ini boleh dilihat melalui syariat yang diturunkan yang jelas mementingkan kebaikan (*al-maslahah*) untuk semua umat manusia. Mengikut bahasa, *al-maslahah* didefinisikan sebagai sesuatu yang berfaedah dan bermanfaat. Perkataan yang berlawanan dengannya adalah *al-mafasid* yang bermaksud sesuatu yang memberikan kerosakan atau nafkah yang tidak baik.⁴ Dalam hal ini, kedatangan Islam sebagaimana dijelaskan di awal ialah untuk membawa kebaikan dan faedah kepada manusia, serta pada masa yang sama untuk menolak sebarang kemudarat. Matlamat pensyariatan Islam ini telah

⁴ Ibn Mandhur, *Lisan al-Arab*, j. 4, h. 2479, Husain Hamid, *Nadhariyah al-Maslahah*, h. 4



dijelaskan dengan lebih lanjut oleh Imam Al-Ghazali dalam kitab “*Al-Mustasfa*”, yang berbunyi:

أَمَّا الْمَصْلَحَةُ فَهِيَ عِبَارَةٌ عَنْ جَلْبِ مَنْفَعَةٍ وَدَفْعِ مَضَرَّةٍ

Maksudnya: *Maslahah* pada dasarnya adalah menarik manfaat ataupun menolak kemudharatan (bahaya).⁵

Dalam menghuraikan hal ini, Imam al-Ghazali telah meletakkan dua perkara asas dalam memahami konsep kebaikan dan kesejahteraan (*al-maslahah*) bagi manusia, iaitu :

1. Usaha mendapat *maslahat* dan menolak *mudarat* bukan semata-mata untuk kepentingan dunia, tetapi juga *ukhrawi*. Oleh itu, matlamat syarak bukan hanya diasaskan pada kebaikan jangka pendek semasa berada di dunia sahaja malah meliputi kebaikan selepas meninggal dunia.
2. *Maslahat* yang dinilai pula hendaklah berdasarkan pertimbangan syarak. Dengan kata lain, *al-maslahah* yang diberi kepada manusia tidaklah bersifat mutlak tanpa melihat kepada percanggahannya dengan syarak. Ini kerana sekiranya sesuatu perkara tersebut bermanfaat tetapi bercanggah dengan matlamat syarak, maka ia tidaklah boleh disebut *maslahat*. Oleh kerana itu, Islam mengiktiraf manfaat dan menolak mudarat mengikut neraca syarak bagi memelihara tujuan syarak iaitu menjaga agama, nyawa, akal, keturunan dan harta. Imam al-Ghazali mengulas lanjut:

نَعِيِّ بِالْمَصْلَحَةِ الْمُحَافَظَةَ عَلَى مَقْصُودِ الشَّرِيعَةِ، وَمَقْصُودُ الشَّرِيعَةِ مِنَ الْخَلْقِ خَمْسَةٌ، وَهُوَ أَنْ يَحْفَظَ عَلَيْهِمْ دِيَرَهُمْ وَنَفْسَهُمْ وَعَقْلَهُمْ وَنَسَلَهُمْ وَمَالَهُمْ

Maksudnya: Yang kami maksudkan dengan *maslahah* adalah untuk menjaga maksud syarak, dan maksud syarak kepada manusia ada lima perkara, iaitu untuk menjaga agama, nyawa, akal, keturunan, serta harta mereka.⁶

5 Al-Ghazali, *Al-Mustasfa Min 'Ilm Al-Usul*, j. 1, h. 268; Al-Tufiy, *Syarh Mukhtasar al-Raudhah*, j. 3, h. 382

6 Al-Ghazali. *Ibid.*



FALSAFAH PERUNDANGAN ISLAM DAN *MAQASID AL-SYARIAH*

Umum mengetahui bahawa Islam datang kepada Rasulullah saw ketika masyarakat Arab berada dalam kemuncak kejahiliyan. Walaupun Kota Mekah pada ketika tersebut maju dengan prasarana dan budaya, namun mereka jahil dalam mengenal Tuhan, dalam mewujudkan keadilan sosial antara pelbagai kelas, hingga antara lain memiliki sistem ekonomi yang menindas dan peraturan atau kuasa politik yang ditentukan oleh golongan yang berkuasa sahaja. Pada masa ini, masyarakat jahiliyah menyembah tuhan-tuhan batu yang dibuat sendiri, mengamalkan riba dan penipuan dalam bermula, menindas wanita, orang-orang tua dan kanak-kanak, mengamalkan undang-undang zalim di mana keputusan boleh diambil di tangan masing-masing sekiranya mereka mempunyai kedudukan dan kuasa dalam masyarakat. Di antara contoh ketidaktentuan ini ialah apabila seorang anggota kabilah dibunuh, maka kabilah tersebut akan membala dendam dengan membunuh kesemua anggota kabilah pembunuh. Biarpun yang terbunuh dalam kalangan mereka adalah seorang budak atau wanita, tindakan bunuh balas akan dilakukan dengan melibatkan sesiapa sahaja daripada kabilah tersebut sama ada yang bersalah atau tidak. Keadaan ini menunjukkan pelaksanaan hukum pada zaman tersebut bukanlah Qisas, tetapi merupakan pembalasan dendam, yang disebut *thar* yang berasaskan semangat nasionalisme (*'asabiyyah*).⁷

Berdasarkan gambaran dan latar belakang ini, jelas Islam membawa perubahan kepada perundangan dan kehidupan masyarakat Jahiliyyah. Undang-undang tidak boleh dilandaskan berdasarkan emosi dan nafsu manusia yang tidak sempurna. Ia sewajarnya berlandaskan keadilan sejagat yang bersumberkan undang-undang ilahi. Kebaikan dan kepentingan manusia sejagat yang ingin dicapai hendaklah menepati kriteria yang dikehendaki oleh Pencipta, iaitu Allah SWT. Inilah yang dikenali sebagai matlamat perundangan Islam (*al-maqasid al-syariah*). Oleh itu, sebarang pensyariatan hukum yang ditetapkan Allah SWT adalah memiliki falsafah bahawa semuanya untuk kebaikan manusia dan kebaikan tersebut diiktiraf oleh Islam. Merujuk kepada matlamat syarak, perkataan *al-maqasid al-syariah* terdiri daripada dua rangkai kata iaitu *al-maqasid* dan *al-syariah*. *Al-Maqasid* merupakan kata majmuk daripada perkataan *maqsid* yang dibina daripada huruf (مَقْصِدٌ) yang berarti “tempat tujuan”.⁸ Manakala

7 Tafsir Surah al-Baqarah, Q2: 178-179

8 Lihat Al-Fayyumi, *Al-Misbah Al-Munir*, j. 2, h. 504; Ibn Manzur, *Lisan al-Arab*, j. 5, h. 3642; Al-Fairuz Abadi, *Basair zawi al-Tamyiz*, j. 4, h. 271; *al-Qamus al-Muhith*, j. 1, h. 327; Ibrahim Anis wa Jama'ah, *al-Mukjam al-Wasith*, j. 2, h. 738; Abu Bakar al-Razi, *Mukhtar al-Sihhah*, h. 536; Al-Zabidi, *Taj al-Arus*, j. 2, h. 466; Ibnu Faris, *Mukjam*



al-syariah pula bermaksud “jalan menuju sumber air” atau “sumber pokok kehidupan”. Secara gabungannya, *al-maqasid al-syariah* dapat difahami sebagai “tujuan syariat” atau “matlamat hukum syarak” yang terkandung dalam segala peraturan dan undang-undang yang disyariatkan kepada umat manusia. Dalam menjelaskan maksud matlamat ini dengan lebih terperinci, *Illal al-Fasi* telah mendefinisikan *al-maqasid al-syariah* sebagai:⁹

“Tujuan akhir dan rahsia-rahsia yang diterapkan oleh Pembuat Syarak (Allah) dalam setiap hukum yang ditetapkan-Nya.”

Manakala *Ibn `Asyur* pula mendefinisikan *al-maqasid al-syariah* sebagai:¹⁰

“Cara-cara yang dimaksudkan Pembuat Syarak (Allah) dalam merealisasikan tujuan-tujuan manusia yang bermanfaat atau menjaga kemaslahatan mereka secara umum.”

Termasuk dalam cara-cara ini adalah menggubal undang-undang, menjaga peraturan, merealisasikan kebaikan, menghindarkan keburukan, menegakkan nilai-nilai asasi manusia dan jaminan hak-hak yang sewajarnya bagi manusia.¹¹

Penggunaan perkataan di sini adalah menggunakan lafaz “*al-maqasid*” dan bukannya “*al-ghardu*”, walaupun kedua-duanya membawa maksud “tujuan” atau “matlamat”. Dalam hal ini, ulama Ahli Sunnah tidak menggunakan perkataan *al-maqasid* yang diterjemahkan dengan makna *al-ghardu* kerana dirasakan padanya ada kekurangan pada lafaz tersebut. Ini kerana perkataan “*al-ghardu*” adalah luas yang termasuk juga pada perlakuan akibat dorongan hawa nafsu, sedangkan Allah terlepas daripada sifat kekurangan tersebut.¹² Bagaimanapun pandangan golongan Muktazilah¹³ dan sebahagian kecil ulama¹⁴ ada menggunakan perkataan *al-maqasid* dengan maksud *al-ghardu* (dengan makna tujuan). Pandangan ini dianggap terpencil dan tidak dimaksudkan dalam perbincangan ini.

***Maqayis al-lughah*, j. 5, h. 95-96**

9 Dr. Illal al-Fasi, ***Maqasid Al-Syari`ah Al-Islamiyyah Wa Makarimuha***, h. 4

10 Ibnu `Asyur, ***Maqasid al-Syari`ah al-Islamiyyah***, h. 93, 274, 275

11 ***Maqasid al-Syari`ah al-Islamiyyah***, h. 273, 405.

12 Ibn Taimiyah, ***Bayan Talbis Al-Jahmiyah***, j. 1 h. 199

13 Lihat Al-Amidi, ***Gayah al-Maram***, h. 224; al-Asyari, ***Maqalad al-Islamiyyin***, j. 1, h. 318; Al-Syahrastani, ***Nihayah al-Iqdam***, h. 397, 402

14 Lihat Ibn Al-Qayyim, ***Syifa` al-Atil***, h. 449, 454; al-Ghazali, ***Syifa` al-Ghalil***, h. 204; Ibn Hazm, ***al-Ihkam***, j. 8, h. 1117



Terdapat beberapa nas berhubung kesejahteraan sejagat yang dapat difahami melalui nas-nas mengenai *maslahat* dan *al-maqasid al-syariah* yang menunjukkan bahawa tujuan syariat itu mempunyai alasan dan hikmah tertentu berhubung kebaikan, manfaat dan kesejahteraan umat manusia. Kesemuanya merujuk kepada kebaikan (*al-maslahah*) yang menyeluruh kepada manusia yang ramai. Sebagai contoh, firman Allah yang berkaitan dengan ayat-ayat tentang pengutusan Rasul:

رُسُلًا مُبَشِّرِينَ وَمُنذِرِينَ لِئَلَّا يَكُونُ لِلنَّاسِ عَلَى اللَّهِ حُجَّةٌ بَعْدَ الرُّسُلِ وَكَانَ اللَّهُ عَزِيزًا حَكِيمًا

“Rasul-rasul (yang kami telah utuskan itu semuanya) pembawa khabar gembira (kepada orang-orang yang beriman), dan pembawa peringatan (kepada orang-orang yang kafir dan yang berbuat maksiat), supaya tidak ada bagi manusia sesuatu alasan (untuk berdalih pada hari kiamat kelak) terhadap Allah sesudah mengutus Rasul-rasul itu”.¹⁵

وَمَا أَرْسَلْنَاكَ إِلَّا رَحْمَةً لِلْعَالَمِينَ

“Dan tiada kami mengutus engkau (wahai Muhammad), melainkan untuk menjadi rahmat rahmat bagi sekalian alam”.¹⁶

وَمَا خَلَقْتُ الْجِنَّ وَالْإِنْسَ إِلَّا يَعْبُدُونِ

“Dan Aku (Allah) tidak menciptakan jin dan manusia kecuali agar mereka menyembahKu”.¹⁷

Dalam hal hukum pula terdapat banyak contoh ayat, di antaranya adalah:

مَا يُرِيدُ اللَّهُ لِيَجْعَلَ عَلَيْكُمْ مِنْ حَرَاجٍ وَلَكُنْ يُرِيدُ لِيُظْهِرُكُمْ وَلَيُتَمَّ نِعْمَتُهُ عَلَيْكُمْ لَعَلَّكُمْ

“Allah tidak mau menjadikan kamu menanggung sesuatu kesusahan, tetapi Ia berkehendak membersihkan (mensucikan) kamu dan hendak menyempurnakan nikmatNya kepada kamu, supaya kamu bersyukur”.¹⁸

وَأَقِمِ الصَّلَاةَ إِنَّ الصَّلَاةَ تَنْهَىٰ عَنِ الْفَحْشَاءِ وَالْمُنْكَرِ

15 Al-Quran, surah al-Nisa', ayat ; 165

16 Al-Quran, surah al-Anbiya', ayat ; 107

17 Al-Quran, surah al-Dzariyat, ayat ; 56

18 Al-Quran, surah al-Maidah, ayat ; 6



“Dan dirikanlah Shalat; sesungguhnya Shalat itu mencegah dari perbuatan yang keji dan mungkar.”¹⁹

Begitu juga dengan ayat-ayat tentang Jihad dan Qisas. Selepas menganalisis ayat-ayat al-Qur'an ini, khasnya ayat-ayat tentang hukum, dapat diambil suatu kesimpulan tentang setiap apa yang Allah turunkan melalui al-Quran yang merupakan kalam Ilahi dan juga dalam sunnah sebagai penjelas kepada al-Quran adalah merupakan suatu pelaksanaan untuk kebaikan dan kemaslahatan manusia. Sebagaimana juga yang dinyatakan oleh Imam al-Syatibi berikut ini:

*“Sesungguhnya Syariat itu diberlakukan untuk untuk merealisasikan tujuan Syari‘ (Allah) dalam upaya menegakkan kebaikan (masalih) bagi manusia di dalam hal agama dan dunia secara bersamaan”.*²⁰

Dalam ungkapan yang lain al-Syatibi juga menyatakan:

*“Hukum-hukum (Allah) itu disyariatkan untuk tujuan kebaikan hamba-hambaNya (masalih)”.*²¹

Isyarat yang dapat diambil dari sini adalah bahawa kandungan *maqasid al-syari‘ah* adalah untuk kemaslahatan umat manusia. Kesimpulan yang dapat diambil adalah tidak satupun hukum Allah yang tidak mempunyai tujuan. Ini kerana hukum yang tidak mempunyai tujuan adalah sama dengan “*taklif ma la yutaq*” atau membebankan sesuatu hukum yang tidak mungkin mampu dilaksanakan oleh pihak pelaksana (mukallaf).

Berasas daripada sinilah Abu Zahrah menyatakan bahawa tujuan hakiki hukum Islam adalah kemaslahatan,²² sebab tidak satupun hukum yang disyariatkan al-Qur'an mahupun al-Sunnah melainkan mempunyai muatan *maslahah*. *Fati al-Darain* juga menyatakan bahawa hukum-hakam itu tidak mungkin dibuat untuk hukum itu sendiri, tetapi hukum itu dibuat untuk tujuan lain, yakni *mashlahah*.²³ Hal yang sama juga diungkapkan oleh Abdul Wahhab Khallaf dalam penelitiannya, bahawa doktrin (ajaran) *maqasid al-syari‘ah* adalah berupaya untuk memantapkan konsep *maslahah* sebagai unsur penting tujuan hukum Islam.²⁴

19 Al-Quran, surah al-‘Ankabut, ayat ; 45

20 *al-Muwafaqah fi usul al-Syari‘ah*, jilid 2 m/s 9.

21 *Al-Iktisam*, al-syatibi m/s 38 dan seterusnya.

22 Abu Zahrah, *Usul fiqh*, m/s 259.

23 *Manahij al-Usuli*, m/s 25 dan seterusnya.

24 ‘*Ilmu Usul al-Fiqh*, m/s 197.



Maqasid al-syari'ah dalam erti kemaslahatan ini terdapat dalam aspek-aspek hukum secara keseluruhan. Akan tetapi yang menjadi persoalan apakah di dalam nas al-Qur'an Allah memberikan penjelasan terperinci (*tafsil*) atau tidak? Namun dengan pernyataan Allah yang menyatakan bahawa Islam adalah agama yang sempurna,²⁵ yang menunjukkan bahawa al-Qur'an telah mencakup dasar-dasar kepercayaan dan amalan agama dengan berbagai aspeknya, ia sudah menggambarkan keterangan syarak mengenai jaminan ini. Ini kerana tiada ajaran Islam yang utama yang tidak diisyaratkan di dalam nas al-Qur'an. Al-Qur'an sebagai sumber ajaran agama Islam memberikan asas yang penting terhadap syariat, iaitu dalam prinsipnya membentuk kemaslahatan manusia. Dalam hal ini, al-Qur'an didokong dan disokong oleh al-Sunnah sebagai sumber kedua yang berfungsi sebagai *bayan* (penjelas) terhadap al-Qur'an, sebab segala hal yang tidak dijelaskan al-Qur'an kebanyakannya dibahas dan dijelaskan oleh Nabi Muhammad saw.

Satu kesimpulan yang dapat difahami daripada huraihan di atas adalah bahawa subjek teori utama daripada *maqasid al-syari'ah* adalah *maslahah*. Kedudukan ini dapat dilihat daripada dua bentuk proposisi, iaitu:

1. *Maqasid al-Syari'* (tujuan Allah sebagai pembuat hukum)
2. *Maqasid al-Mukallaf* (tujuan mukallaf sebagai pelaksana hukum)

Dalam *maqasid al-syariah*, kategori ini dapat dikelompokkan ke dalam empat aspek yang terdiri daripada:

- (1) Tujuan awal Syariat, yakni kemaslahatan manusia di dunia dan akhirat. Aspek ini berkaitan dengan hakikat *maqasid al-syariah*.
- (2) Syariat sebagai sesuatu yang harus difahami. Aspek ini berkaitan dengan kepentingan kefahaman terhadap bahasa atau tafsiran hukum agar syariat dapat difahami dan *maslahah* dapat dicapai.
- (3) Syariat sebagai hukum taklif yang harus dilaksanakan. Aspek ini berkaitan dengan pelaksanaan ketentuan-ketentuan syariat dalam rangka merealisasikan *maslahah*. Selain itu juga berkaitan dengan kemampuan manusia dalam melaksanakan syariat.

²⁵ Q5:3, "Pada hari Ini Telah Kusempurnakan untuk kamu agamamu, dan telah Ku-cukupkan kepadamu nikmat-Ku, dan Telah Ku-redhai Islam itu jadi agama bagimu".



- (4) Tujuan syariat dalam membawa manusia ke bawah naungan hukum. Aspek ini berkaitan dengan kepatuhan manusia sebagai *mukallaf* terhadap syariat yang bertujuan untuk membebaskan manusia daripadakekangan dan dikuasai serta diperbudakkan oleh hawa nafsu.

Keempat-empat aspek ini mempunyai kaitan yang erat di antara satu sama lain. Namun aspek pertama merupakan inti kepada *maqasid al-syariah*. Aspek pertama ini dapat terwujud dengan melalui pelaksanaan hukum taklif (pembebanan hukum) terhadap hamba-hamba Allah yang *mukallaf* (aspek ketiga). Taklif ini tidak akan dapat dilakukan kecuali apabila syariat dapat difahami dan *maslahah* dapat diketahui dengan melalui kemampuan pemahaman yang benar (aspek kedua). Apabila kedua aspek ini telah diraih maka pemahaman dan pelaksanaan taklif ini dapat membawa manusia berada di bawah lindungan hukum Tuhan, hingga mereka dapat terlepas daripada kekangan hawa nafsu (aspek keempat). Dalam kaitan inilah *maslahah* sebagai tujuan pensyariatan hukum, baik di dunia maupun di akhirat. Fokus utama yang dapat kita fahami di sini adalah aspek utama dalam *maqasid al-syariah* merupakan aspek inti yang menjadi fokus analisis. Ia merupakan hakikat *maslahah* sebagai tujuan taklifan syariat kepada manusia.

CAPAIAN *MAQASID AL-SYARIAH* DALAM PERUNDANGAN ISLAM

Al-Syatibi dan ulama yang lain seperti Imam al-Ghazali menjelaskan bahawa *maslahah* untuk kesejahteraan manusia sejahtera dapat dicapai bila lima unsur pokok dalam syariat dapat direalisasikan, iaitu pemeliharaan atas agama (*hifz al-din*), pemeliharaan atas jiwa (*hifz al-nafs*), pemeliharaan atas akal (*hifz al-aql*), pemeliharaan atas keturunan (*hifz al-nasl*) dan pemeliharaan atas harta (*hifz al-mal*). Lima unsur pokok ini sering disebut dengan *al-mabadi' al-khamsah* atau *al-usul al-khamsah* yang bererti lima persoalan pokok yang utama bagi umat manusia. Imam al-Ghazali menulis lima perkara ini di dalam kitabnya, *al-Mustasfa min 'Ilm al-Ushul*.²⁶

(a) Pemeliharaan atas agama (*Hifz al-Din*)

Memelihara agama adalah tunggak utama kesejahteraan sejahtera. Hampir kesemua manusia mempercayai kepada sesuatu agama, dan jaminan kepada kesucian agama adalah penting kerana ia membawa kepada keharmonian masyarakat. Dalam Islam, pemeliharaan agama

26 Al-Ghazali, Al-mustasfa min 'ilm al-usul, jilid 1 m/s 268, Al-Butiy (1977 M/ 1397 H) Dawabit Al-Maslahah fi al-Syariah al-Islamiyah, m/s 110, 118, 144, 190, 217, Al-Syatibi, al-Muwafaqah fi usul al-Syari'ah jilid 1 m/s 6-9.



bukan sekadar memuliakan agama, malah dapat mengelak daripada ajaran agama dipermain dan diseleweng. Oleh kerana itu, Islam memperuntukkan hukuman bunuh kepada orang yang murtad bagi memelihara supaya ajaran agama tidak dikesampingkan. Seorang yang telah menganut agama Islam wajib mematuhi segala peraturan dan penetapan hukum yang diwajibkan ke atasnya. Ini berbeza daripada mereka yang belum atau tidak menganut Islam. Tiada paksaan dikenakan ke atas mereka kerana anutan agama adalah berdasarkan hidayat dan bukannya hukuman (لا إكراه في الدين).²⁷ Kebebasan ini menjamin kerukunan dalam masyarakat yang pelbagai kaum.

Walaupun pemeliharaan ke atas agama ini bagi menjamin kesucian dan kemuliaan Islam, pada masa yang sama Allah melarang juga umat Islam daripada mencela dan menghina agama lain.²⁸ Ini bagi mengelak agama Islam dan Allah SWT juga daripada dicela sebagaimana firman Allah dalam Surah al-An'am ayat 108:

وَلَا تَسْبُوا الَّذِينَ يَدْعُونَ مِنْ دُونِ اللَّهِ فَيَسْبُوا اللَّهَ عَدُوًا بِغَيْرِ عِلْمٍ

“Dan janganlah kalian memaki sembah-sembahan yang mereka sembah selain Allah, karena mereka nanti akan memaki Allah dengan melampaui batas tanpa pengetahuan.”

Malah, Islam melindungi kebijakan orang yang bukan Islam yang tunduk dan mentaati pemerintahan Islam. Sikap ini dapat dilihat pada jaminan Rasulullah saw yang menisahkan sesiapa yang menyakiti orang kafir *dhimmi* seolah-olah telah menyakiti diri Baginda saw. Senario ini menunjukkan Islam mengiktiraf perbezaan agama sesebuah masyarakat di mana Islam membuktikan bahawa kebenaran dan ketulenan ajaran bukan pada kekuasaan tetapi pada ajaran yang dibawa di mana elemen-elemen seperti kesejahteraan sejagat menjadi salah satu fokus dalam wadah sesebuah agama itu. Justeru, sikap membakar gereja, merosakkan kuil dan tempat ibadat umat lain perlu dicegah, kerana ia antara bibit-bibit yang boleh menggugat kesejahteraan sejagat.

(b) Pemeliharaan atas jiwa (*Hifz al-Nafs*)

Dalam pemeliharaan jiwa, matlamat Islam ialah meletakkan harga yang tinggi ke atas jiwa (nyawa) setiap umat manusia. Nyawa seseorang manusia tidak boleh diambil atau ditamatkan sewenang-wenangnya tanpa hak. Semua manusia berhak untuk hidup dengan tenang tanpa gangguan,

27 Surah al-Baqarah:256

28 Surah al-An'am: 108



melainkan mereka yang melampaui batas. Justeru, perundangan Islam menetapkan nyawa dibalas dengan nyawa (Qisas) apabila berlaku pembunuhan yang salah dan hukuman hanya kepada pesalah.²⁹ Hukuman yang terhad ini menyelamatkan seluruh ahli keluarga atau kabilah pesalah tersebut yang tidak terlibat dan tidak bersalah. Jaminan keselamatan nyawa ini juga dilaksanakan dalam kes ugutan atau paksaan. Seseorang tidak boleh mementingkan keselamatan nyawanya dengan mematikan nyawa orang lain apabila diancam. Hukum ini dapat memastikan jaminan keselamatan pada nyawa anggota masyarakat daripada diperlakukan sesuka hati.

Dalam konteks pemeliharaan nyawa ini, seseorang individu bukan setakat diharamkan membunuh orang lain malah turut diharamkan membunuh diri sendiri. Rasulullah saw pernah bersabda yang berbunyi, “sesiapa yang membunuh dirinya dengan sesuatu benda di dunia, dia akan diazabkan dengan benda tersebut di hari kiamat.” (Hadith riwayat al-Bukhari dan Muslim). Dalam hal ini, nyawa bukanlah hak mutlak seorang individu tetapi ia adalah hak Allah. Manusia memiliki atas dasar pinjaman dan amanah daripada Allah supaya memanfaatkannya untuk ibadah iaitu berkhidmat untuk agama, masyarakat dan keluarga. Atas dasar amanah ini, maka haram seseorang individu bertindak ekstrem dengan membunuh diri sendiri atau meletupkan dirinya bersama orang lain demi memperjuangkan kebenaran. Ia tidak lain hanya memecah-belahan masyarakat.

(c) Pemeliharaan atas akal (*Hifz al-Aql*)

Akal merupakan lambang kewarasan dan kesiuman manusia. Tanpa akal manusia akan menjadi seperti haiwan sehingga Islam tidak memberikan tanggungan taklif kepada mereka yang tidak berakal seperti kanak-kanak, orang gila, orang yang tidur dan pengsan. Justeru, perundangan Islam meletakkan hukuman kepada mereka yang merosakkan akal seperti dengan meminum arak dan sebagainya. Ini kerana individu yang tiada akal tidak akan dapat berfikir dengan rasional. Ia boleh membawa kepada ketidaksejahteraan kepada dirinya sendiri mahupun pada ahli keluarga dan masyarakat. Pelbagai masalah sosial boleh berlaku akibat tindakan yang tidak dipandu oleh akal.

Oleh kerana itu, seseorang yang memiliki akal yang sihat adalah diutamakan dalam syariat Islam bukan setakat dalam pelaksanaan sesuatu ibadat, malah dalam perkara muamalat diperlukan seperti syarat untuk menjadi saksi dan mengharuskan urusan jual-beli. Jelasnya, pemikiran dan upaya ketaakuan ini diiktiraf dan diterima oleh syariat hingga termasuklah dalam penetapan hukum-hakam syarak melalui instrumen fatwa seperti

29 Surah al-Maidah: 4a5



ijtihad dan qiyas. Dalam sebuah hadis yang diriwayatkan oleh Imam Muslim, diceritakan satu peristiwa berhubung amalan pendebungan pokok tamar oleh orang Madinah yang ditegur oleh Baginda dan mereka menghentikan amalannya kerana menghormati Rasulullah saw. Akhirnya hasil berkurangan dan apabila Rasulullah mendengar keadaan ini, maka bersabda Rasulullah saw, “saya hanya manusia biasa. Apabila saya mengarahkan kamu berhubung persoalan keagamaan maka kamu perlu mematuhiinya, tetapi sekiranya saya menyatakan sesuatu yang berdasarkan pendapat saya, sebenarnya ia hanya satu pandangan. Semestinya kamu lebih tahu mengenai urusan dunia kamu”. Dalam hal ini, keupayaan akal diiktiraf dan diterima syariat khususnya apabila melibatkan perkara keduniaan.

(d) Pemeliharaan atas keturunan (*Hifz al-Nasl*)

Keturunan atau nasab merupakan perkara yang bersangkutan dengan hubungan kekerabatan dan jalinan hubungan darah yang diasaskan pada ikatan yang diakui syarak. Kebanggaan dan kemulian sesuatu keturunan menjadi maruah yang sangat bernilai dan berharga yang sangat dilindungi. Jaminan Islam ke atas pemeliharaan keturunan ini dengan mewajibkan perhubungan melalui ikatan perkahwinan yang sah dan melarang daripada perzinaan dan perkara-perkara yang mendorong kepada gejala ini. Justeru, hukuman yang keras diperuntukkan oleh perundangan Islam bagi mencapai matlamat syarak ini. Bukan setakat itu, Islam juga menjelaskan kekeliruan yang mungkin berlaku dalam hal berhubungan keturunan ini seperti kaedah *al-walad lil-firash*. Ia menunjukkan keprihatinan perundangan Islam dalam menjamin ketentuan kehakiman dan dapat mencapai kesejahteraan komuniti.

Dalam hal ini, kesejahteraan sesebuah komuniti sosial adalah berdasarkan hubungan dalam kalangan masyarakat yang teratur dengan sistem kekeluargaan, kejiran dan rakan-tetangga yang saling hormat-menghormati dan percaya-mempercayai. Terdapat satu sistem yang mengatur pertalian ini di mana generasi keluarga dan kesucian keturunan bersifat tertentu dan berhubung mengikut aturannya. Matlamat ini tidak akan tercapai sekiranya anggota masyarakat berhubungan tanpa batas seperti tidak diketahui batas-batas antara anak dan bapa, isteri dan rakan, jiran dan adik, dan sebagainya. Oleh kerana itu, hubungan terlarang antara mereka yang tiada ikatan perkahwinan dan hubungan antara mereka yang diharamkan kahwin perlu dijauhi. Begitu juga segala tuduhan dan fitnah yang berhubungan dengan kesucian maruah ini tidak boleh dibenarkan. Dalam hal ini, perundangan Islam mengenakan hukum sebat dan rejam kepada mereka yang terlibat dalam perzinaan dan pertuduhan (*qazaf*).



Ini bagi mewujudkan kesejahteraan dalam hubungan sosial dalam sesebuah masyarakat.

(e) Pemeliharaan atas harta (*Hifz al-Mal*)

Pemeliharan ke atas harta bukan setakat bermaksud menjamin harta yang dimiliki daripada dicuri dan dirampas dengan tiada hak, malah ia juga bermaksud memelihara daripada penyelewengan, penindasan dan penipuan. Dalam perundangan Islam, hukuman ke atas pencuri dan perompak merupakan salah satu pencegah daripada pencabulan ini berlaku. Manakala daripada sudut kesahan, urusniaga yang mengandungi riba, judi dan merosakkan harta orang lain juga merupakan kesalahan yang besar kerana menindas orang lain dengan memaksa mereka mengeluarkan harta yang dimiliki dengan tidak sepatutnya.

Jelasnya, hak ke atas harta dijamin kepada manusia sama ada dalam aspek pemilikan atau perbelanjaan selagi bertepatan dengan hukum syarak. Dalam hal ini, sekalipun seseorang itu memiliki harta yang banyak, ia diharamkan daripada membazirkan harta atau merosakkannya. Oleh kerana itu, Islam menganjurkan amalan bersedekah dan berderma, serta menurunkan peraturan dan undang-undang khusus mengenai *muamalat*. Sehingga pada kadar tertentu, Islam mewajibkan zakat bagi membantu umat Islam yang lain. Perundangan Islam ini menunjukkan bagaimana Islam memberi jaminan ekonomi kepada sosial yang seterusnya dapat membangunkan kesejahteraan sejahtera. Jika dilihat, sistem zakat ini bukan hanya membantu umat Islam yang miskin, malah termasuk juga golongan yang baru berjinak-jinak dengan Islam atau baru memeluk Islam. Hak mereka untuk menerima zakat ini sangat jelas dinyatakan oleh al-Quran.³⁰

MAQASID SYARIAH KE ARAH KESEJAHTERAAN SEJAGAT

Secara umumnya perbincangan tentang *al-maqasid al-syariah* selepas kurun ke 7 Hijriah dibina atas dasar teori sebab (*illat*) dan kebaikan (*maslahat*) di mana kedua-duanya merupakan tujuan kepada matlamat dan falsafah pelaksanaan syariah. Sehingga dalam hal ini, para ulama telah menggariskan suatu kaedah fekah yang berbunyi:³¹

الْحُكْمُ يَدْوِرُ مَعَ الْعِلْمِ وُجُودًا وَعَدَمًا

30 Al-Quran surah al-Taubah ayat 60.

31 Ibn Taimiyah, *Majmuk al-Fatawa*, j. 20, h. 556; *Syarh Kaukab al-Munir*, j. 4, h. 152-186



Maksudnya: *Hukum berjalan seiring dengan sebab/alasan dari segi kewujudan dan ketiaadaannya.*

Namun jika menelusuri perspektif sejarah hukum Islam, para ulama pernah berdebat mengenai landasan teori ini, sama ada perbuatan Allah mesti dibina atas dasar *illat* atau sebaliknya. Punca perdebatan ini adalah bagi memahami konsep *al-maslahah* sebagai ‘*illat* hukum dalam sumber perundangan Islam.³²

Bagi golongan ‘Asy‘ariyyah,³³ hukum Allah tidak harus dikaitkan dengan mana-mana *illat*, kerana ia akan membatasi sifat kesempurnaan Allah yang mesti bertindak berdasarkan sebab atau alasan tertentu. Manakala menurut aliran *Mu‘tazilah*, hukum Allah harus dikaitkan dengan tujuan tertentu sesuai dengan kemaslahatan hamba-Nya. Alasannya, jika hukum Allah tidak dikaitkan dengan sesuatu tujuan maka perbuatan Allah tersebut akan menjadi sesuatu yang sia-sia, sedangkan Allah maha sempurna daripada mencipta sesuatu yang si-sia.³⁴ Perbezaan dua aliran ini kemudian disatukan oleh Aliran *Maturidiyah* yang berpendapat bahawa perbuatan Allah dan hukum-hukum-Nya adalah berkait dengan ‘*illat* kemaslahatan, baik yang nampak mahupun tidak, tetapi ia bukan menjadi kewajiban pada Allah. Bagaimanapun pada asasnya, perdebatan seperti ini kurang sesuai dilakukan kerana aspek teologi (ketauhidan) merupakan perbahasan yang berfokus kepada persoalan kemutlakan Tuhan, kekuasaan dan ketauhidan-Nya. Sedangkan pembahasan hukum dan perundangan Islam tidak menyentuh secara langsung dengan kemutlakan kekuasaan Tuhan dan ketauhidan-Nya. Ia lebih kepada memahami penerapan perundangan Islam ke atas umat manusia iaitu daripada perspektif memahami tindakan yang terbaik dilakukan oleh seseorang manusia dalam aspek amali. Dalam hal ini, perbuatan Allah tentulah unutk kebaikan dan keselesaan makhluk.

Justeru, satu kesimpulan yang tidak dapat dinafikan sebagaimana dijelaskan oleh Imam al-Syatibi bahawa hukum-hukum syarak sentiasa bertepatan dengan matlamat atau tujuan Pembuat Syarak, iaitu Allah SWT. Dalam menjelaskan hal ini, Imam al-Syatibi telah menghubungkaitkan *al-maqasid al-syariah* dengan teori-teori mengenai *al-maslahah* ke atas umat manusia.³⁵ Sebagai contoh:

32 Al-Amidi, *Ghayah al-Maram*, h. 358

33 Al-Amidi, *Al-Ihkam Fi Usul Al-Ahlam*, j. 1, h. 79; *Hasyiyah al-Bannani ‘ala Jam‘i al-Jawami‘*, j. 1, h. 57; al-Syaukani, *Irsyad al-Fuhul*, h. 7

34 Al-Amidi, *Al-Ihkam Fi Usul Al-Ahlam*, j. 1, h. 80; al-Syaukani, *Irsyad al-Fuhul*, h. 7

35 Lihat al-Tufi, *Risalah al-Tufi* m/s 12, Sayamsu al-Haq, ‘*Aun al-Ma‘bud* jilid 10 m/s 64, Ahmad Muwafi, *Al-Dharar* jilid 1 m/s 50,96, Abu Ishak al-Syatibi, *al-Muwafaqat fi*



1. Memilih manfaat (*maslahah*) termasuk dalam pelaksanaannya adalah untuk memelihara dan mencapai tujuan syariat.
2. Syariat didatangkan pada dasarnya adalah untuk menghasilkan manfaat dan pada saat yang sama menghilangkan keburukan.³⁶

Justeru, maslahat mestilah bertepatan dengan syariat dan syariat diturunkan sememangnya untuk kebaikan umat manusia. Falsafah kebaikan dan seterusnya mencetuskan kesejahteraan untuk umat manusia menjadi matlamat utama hukum syarak. Justeru, matlamat kebaikan dan kesejahteraan menjadi syarat utama dalam penerimaan sesuatu maslahat yang diiktiraf syarak. Seandainya maslahat yang cuba diraih didapati berlawanan dengan tujuan syarak, maka maslahat tersebut tertolak dan tidak boleh diamalkan.³⁷ Pendeknya, maslahat mestilah sesuatu yang dapat menyerlahkan keelokan dan keindahan syariat, di samping menjadi hikmah Allah dalam perutusan syariat Islam di muka bumi ini. Impaknya, manusia seluruhnya dapat hidup dengan aman dan harmoni selari atau dengan kata lain mencapai kesejahteraan sejagat.

KESIMPULAN DAN PENUTUP

Kesimpulannya, matlamat dan falsafah perundangan Islam ialah mencapai kebaikan untuk umat manusia keseluruhannya. Walaupun agama Islam diturunkan untuk mereka yang mendapat hidayah Islamiyyah, namun peraturan dan perundangan yang digariskan melangkau agama dan adat resam. Oleh kerana itu, perundangan Islam mempunyai hukum yang universal mengenai hubungan antara sesama manusia dan hubungan dengan alam. Dalam hal ini, tampak jelas bahawa matlamat syarak ialah kebaikan dan kesejahteraan di mana dalam hal ini elemen *maslahah* merupakan suatu perkara yang sangat diutamakan oleh syarak. Walaupun para ulama berbeza pandangan terhadap penerimaan *maslahah* seperti pandangan Imam al-Tufi yang terlalu terbuka dan pandangan Imam al-Ghazali yang terlalu ketat, namun ia tidak menafikan konsep *maslahah* ini daripada diaplikasikan ke tengah anggota masyarakat dan ini selaras dengan matlamat perundangan Islam (*maqasid al-syariah*).

Dalam hal ini, para ulama bersepakat bahawa syariat Allah pastilah mengandungi *maslahah* untuk manusia sejagat demi kesejahteraan di dunia dan akhirat. Segala keperluan, kehendak dan ketenteraman manusia telah

Usul al-Syariah jilid 3 m/s 8 dan seterusnya.

36 Ibn Taimiyah, *Majmuk al-Fatawa* jilid 11 m/s 415,416,593,624.

37 Al-Butiy (1977 M/ 1397 H), *Dawabit Al-Maslahah fi al-Syariah al-Islamiyah*, m/s 110, 118, 144, 190, 217.



dipertimbangkan syarak melalui perundangan Islam. Undang-undang Ilahiyyah ini menyusun dan mengatur segala yang boleh dan tidak boleh dilakukan sesuai dengan keadaan dan keperluaan manfaat manusia. Begitu juga hubungan manusia dengan alam, di mana Islam menegah perbuatan khianat, pembaziran dan melakukan kerosakan di muka bumi yang akhirnya membawa kefasadan kepada umat manusia itu sendiri. Inilah yang akhirnya menjadi matlamat syarak dalam mengatur kehidupan manusia antara sesama manusia dan dalam alam ini dengan harmoni dan tenteram. Maka di sini dapat diputuskan bahawa *maslahah* adalah merupakan antara matlamat *maqasid al-syariah* khususnya dalam menetapkan kesejahteraan antara hubungan manusia dengan sesama manusia dan hubungan manusia dengan Allah. Kepatuhan dan ketundukan kepada matlamat dan falsafah ini dapat menjamin kesejahteraan sejagat umat manusia dunia dan akhirat.

